

## **STPM Kertas 1 Set KVK 3: Soalan 3**

- (a) Jelaskan kepentingan kaedah-kaedah penilaian inventori dalam sesebuah entiti perniagaan. (1 markah)
- (b) Syarikat Skandi Design menjual meja kopi minimalist kepada pelanggannya. Setiap meja kopi dijual pada harga RM245. Baki unit meja kopi dalam inventori pada awal bulan Mac 2020 adalah 30 unit yang telah dibeli pada harga kos RM150 seunit. Pergerakan inventori untuk meja kopi ini dalam bulan Mac 2020 adalah seperti yang berikut:

Tarikh	Unit belian	Harga belian seunit (RM)	Unit jualan
Mac 5	50	140	
8			20
10			40
14	100	132	
21	50	142	
24			80
25	40	140	
28			80

Syarikat ini mengamalkan sistem inventori berterusan dan kaedah masuk dahulu keluar dahulu (MDKD) untuk menilai inventoriannya. Bagi bulan Mac 2020, belanja operasinya berjumlah RM16,600.

**Dikehendaki:**

- (i) Hitung nilai inventori akhir dan kos jualan bagi bulan Mac 2020 untuk Syarikat Skandi Design. (6 markah)
- (ii) Sediakan penyata pendapatan komprehensif bagi bulan Mac 2020. (2 markah)
- (iii) Andaikan bahawa syarikat ini mengamalkan sistem inventori berkala, sediakan penyata pendapatan komprehensif jika syarikat ini menggunakan kaedah purata wajaran untuk menilai inventoriannya. (5 markah)

- (b) Syarikat Perkilangan Heather Sdn Bhd mengeluarkan syampu badan dan kepala bagi pelanggan-pelanggannya di seluruh Malaysia. Maklumat berikut telah diambil daripada buku-buku perakaunannya bagi tahun berakhir 31 Oktober 2020:

Akaun	RM
Hasil belum terperoleh	21,600
Faedah belum bayar	3,840
Caruman KWSP	107,820
Akaun belum bayar	32,000
Nota belum bayar 8%	20,000

**Maklumat tambahan:**

1. Pada 1 Oktober 2020, seorang akaun belum bayar bersetuju untuk menerima nota belum bayar 6% sebagai penjelasan hutangnya yang berjumlah RM12,000. Tarikh matang nota belum bayar ini adalah pada 31 Disember 2020. Penukaran dan faedah berkaitan dengan nota belum bayar ini belum lagi direkodkan.
2. Nota belum bayar 8% terdiri daripada dua nota yang sama jumlahnya yang telah ditandatangani pada 1 Ogos dan 1 September 2020. Tempoh matang bagi kedua-dua nota ini adalah selama 6 bulan. Faedah bagi nota-nota ini belum lagi diambil kira.
3. Hasil belum terperoleh merujuk kepada jumlah yang telah dibayar terdahulu oleh pemborong-pemborong bagi bekalan barang niaga. Pada 31 Oktober 2020, barang bernilai RM15,260 telah dibekalkan kepada pemborong-pemborong ini.
4. Semua pekerja pengeluaran syarikat ini diberi bonus sebulan secara kontrak pada setiap akhir tahun kewangan. Bonus dikira berdasarkan belanja gaji bulan Oktober 2020 bagi pekerja pengeluaran. Gaji bersih, iaitu selepas ditolak caruman KWSP sebanyak 11%, yang dibayar dalam bulan Oktober berjumlah RM28,490. Caruman KWSP majikan adalah pada kadar 12%. Syarikat ini akan membayar bonus pekerja bersih dan semua caruman KWSP bulan Oktober 2020 pada 15 November 2020.

**Dikehendaki:**

Sediakan catatan jurnal untuk merekod setiap peristiwa yang diberikan dalam maklumat tambahan di atas.

(6 markah)